

Potensi pasaran kraf Sabah

SDC sediakan program promosi, penjenamaan semula produk untuk masuki pasaran tempatan, antarabangsa



>>Oleh Mohd Izham Unniop Abdullah
am@hmetro.com.my

PROGRAM Satu Daerah Satu Industri (SDSI) bagi pengeluaran kraf tangan tradisi etnik Sabah bakal dilonjakkan sebagai kegiatan utama ekonomi luar bandar menerusi pelaksanaan Koridor Pembangunan Sabah (SDC).

Kraf tangan tradisi diberi penekanan sebagai projek penting pembangunan ekonomi luar bandar berdasarkan potensi komersial yang ada pada produk berkenaan untuk memasuki pasaran tempatan dan antarabangsa, selain sebagai daya penarik pelancong ke Negeri Di Bawah Bayu itu.

Menerusi tumpuan khusus SDC itu, pengusaha sedia

ada dan bakal pengusaha kraf tangan tradisi di Sabah berpeluang menikmati pulangan lebih baik kerana SDC turut menyediakan program promosi dan penjenamaan produk menerusi agensi berkaitan bagi memperkenalkan kraf tangan Sabah.

Berdasarkan pelan pelaksanaan SDC, pengusaha kraf tangan akan mendapat sokongan padu Jawatankuasa SDSI dalam mengenal pasti potensi produk, mengawal kualiti, membuat pembungkusan dan reka bentuk yang menarik untuk pasaran domestik serta eksport.

Bagi mengatasi kesukaran mendapatkan bahan mentah dan memasarkan produk, projek SDSI juga akan mewujudkan pusat pengumpulan, rawatan produk serta penyediaan bahan mentah di kawasan utama SDSI.

Produk kraf tangan yang menepati piawaian kualiti antarabangsa pula akan dipromosi dan dipasarkan

menggunakan label khas sebagai produk 'Buatan Sabah' yang ditentukan Jawatankuasa SDSI.

Sebuah pusat utama pengeluaran kraf tangan dikenali Kampung Kraf tangan turut diwujudkan di Keningau menerusi daya usaha Yayasan Sabah sebagai pusat memulihara kraf tangan etnik Sabah yang dilengkapi kemudahan penyelidikan dan dokumentasi.

Pusat itu juga dijadikan ruang pameran produk kraf tangan etnik Sabah dan demonstrasi pembuatan kraf tangan bagi memperkenalkan pelbagai produk kraf tangan yang dihasilkan etnik di negeri itu.

Pendekatan itu pastinya dapat mengubah nasib pembuat kraf tangan tradisi di Sabah yang selama ini berdepan kesukaran memasarkan produk dan kekurangan bimbingan untuk terus bertapak sebagai usahawan kraf tangan yang berjaya.

Pengarah Kraf tangan Malaysia cawangan Sabah, Yu-



PELBAGAI...antara produk kraf tangan Sabah yang diperbuat daripada buluh dan rotan.

sak Mahamud, berkata usaha yang diilhamkan menerusi SDC itu bakal memajukan industri kraf tangan Sabah ke tahap sebuah industri yang berdaya saing.

"Berdasarkan rekod kami,

sekarang ada 1,950 usahawan kraf tangan didaftarkan di seluruh Sabah. Kami yakin mereka akan menikmati pulangan ekonomi lebih baik dengan terlaksananya projek pengembangan SDSI

kraf tangan ini," katanya. Sementara itu, katanya Kraf tangan Malaysia mensasarkan tiga objektif pembangunan industri kraftangan bagi memajukan sektor ekonomi luar bandar di Sabah.